



KONSEP TAKSONOMI STRATEGI METAKOGNITIF KOSA KATA TERHADAP PEMAHAMAN KOSA KATA BAHASA ARAB

[THE CONCEPT OF VOCABULARY METACOGNITIVE STRATEGY TAXONOMY TOWARDS ARABIC VOCABULARY COMPREHENSION]

Siti Fatimah Datu Ali Nafiah

Sekolah Kebangsaan Sepagaya, Peti Surat 60807, 91117 Lahad Datu, Sabah

Corresponding Author: ftdan550@gmail.com

Received: 4/6/2023

Accepted: 29/7/2023

Published: 31/8/2023

Abstrak

Era Endemik Covid-19, perubahan dalam sistem pendidikan bahasa Arab memberi laluan ke arah pendigitalan dan menyebabkan pelbagai model pengajaran dan pembelajaran bahasa diperkenalkan bagi melestarikan pendidikan bahasa Arab agar sentiasa terkini dari aspek penguasaan bahasa para pelajar bahasa Arab. Sehubungan itu, pengkaji mengenalpasti terdapat keperluan perubahan dalam pendidikan bahasa Arab iaitu pengimplementasian strategi pembelajaran bahasa. Justeru, artikel ini bertujuan untuk memperkenalkan konsep baharu iaitu konsep taksonomi strategi metakognitif kosa kata. Keperluan konsep baharu tersebut akan memberi peluang kepada peningkatan nilai tambah dalam perancangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Metodologi kajian adalah reka bentuk kajian kepustakaan dengan menyusun maklumat dari pelbagai sumber kepustakaan berkaitan dengan perbahasan. Hasil analisis kajian mendapati bahawa penggunaan strategi metakognitif perlu bagi mengoptimalkan tahap pemahaman pelajar terhadap penggunaan bahasa dalam menyelesaikan tugas akademik bahasa. Disamping itu, taksonomi yang direka bentuk dalam kajian ini dijangkakan dapat membantu penyediaan dan perancangan guru dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Kata Kunci: *bahasa Arab, kosa kata, pengajaran dan pembelajaran, strategi pembelajaran, taksonomi*

Abstract

In the Endemic Era of Covid-19, changes in the Arabic Language education system gave way to digitalization and caused various language teaching and learning models to be introduced to preserve

Arabic language education so that it is always up-to-date from the aspect of language mastery of Arabic students. Accordingly, the researcher identified that there is a need for change in Arabic language education which is the implementation of language learning strategies. Therefore, this article aims to introduce a new concept which is the concept of taxonomy of vocabulary metacognitive strategies. The need for the new concept will provide an opportunity to increase added value in the planning of teaching and learning Arabic. The research methodology is the design of a literature study by compiling information from various literature sources related to the debate. The results of the study analysis found that the use of metacognitive strategies is necessary to optimize student's level of understanding of the use of language in completing language academic assignments. In addition, the taxonomy designed in this study is expected to help the preparation and planning of teachers in teaching and learning Arabic.

Keywords: Arabic language, vocabulary, teaching and learning, learning strategies, taxonomy

Cite as: Datu Ali Nafiah, S. F. (2023). Konsep Taksonomi Strategi Metakognitif Kosa Kata Terhadap Pemahaman Kosa Kata Bahasa Arab. *Afaq Lughawiyyah*, 1(2), 310-320. <https://doi.org/10.37231/afaq.2023.1.2.63>

© Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

PENDAHULUAN

Kepelbagaian elemen dalam pendidikan bahasa seperti taksonomi pembelajaran (Nik Mohd Rahimi et al., 2016; Fara, 2016; Kharisma & Suyadi, 2020; Iis & Evi, 2022; Rizal, 2022) kosa kata (Harun et al., 2017; Siti et al., 2020), kemahiran berfikir aras tinggi (Umar & Mokhammad, 2020) dan penggunaan strategi (Yusoff & Azman, 2023) menjadi keperluan dalam kejayaan sistem pendidikan bahasa. Elemen-elemen yang disebutkan tersebut mempengaruhi perubahan corak pengajaran dan pembelajaran bahasa, khususnya pembelajaran bahasa sebagai bahasa kedua. Hal ini dinyatakan oleh Umar & Mokhammad (2020) bahawa pembelajaran bahasa kedua adalah kemampuan individu mempelajari bahasa selain bahasa ibunda.

Kemampuan individu mempelajari bahasa dapat dibincangkan dengan menyoroti kesepaduan elemen yang dibahasakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Elemen pertama iaitu taksonomi pembelajaran, dapat dikaitkan dengan pencapaian yang tinggi dalam mata pelajaran bahasa Arab. Menurut Nik Mohd Rahimi et al. (2016), semakin tinggi kefahaman bacaan taksonomi, semakin tinggi pencapaian mata pelajaran bahasa Arab.

Selain itu, elemen kedua iaitu saiz perbendaharaan kata atau kosa kata turut mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran bahasa Arab. Selain itu, elemen ketiga iaitu kemahiran berfikir aras tinggi dapat membantu meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab disamping mempertingkatkan pemahaman pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab (Umar & Mokhammad, 2020). Perbahasan elemen yang seterusnya adalah penggunaan strategi, seperti yang dibahasakan oleh Yusoff & Azman (2023) bahawa penggunaan strategi pembelajaran bahasa seharusnya didedahkan kepada pelajar agar pelajar bahasa Arab menjadi pelajar yang cekap dalam mengendalikan pembelajaran bahasa Arab secara regulasi sendiri.

Regulasi sendiri diperlukan oleh para pelajar bahasa Arab agar mereka dapat meningkatkan penguasaan terhadap tugas pembelajaran bahasa Arab. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Siti Fatimah (2017) bahawa regulasi sendiri iaitu merancang, mengurus maklumat, memantau kefahaman, menyemak semula dan menilai diperlukan untuk memupuk kesedaran penggunaan strategi metakognitif dalam pembelajaran bahasa. Sehubungan itu, penetapan regulasi sendiri dengan mengimplementasi strategi metakognitif dalam pembelajaran bahasa dapat membantu proses pembelajaran bahasa Arab.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Strategi Metakognitif Dalam Pembelajaran Bahasa

Strategi metakognitif dapat ditakrifkan sebagai kemampuan individu untuk mengawal selia proses kognitif dan ia juga dapat digunakan untuk mengubahsuai dan memantau tingkah laku pembelajaran (Gagne, 1977 (dalam Ng et al., 2022)). Sehubungan itu, jika strategi metakognitif diaplikasikan dalam pembelajaran bahasa, ia akan dapat memberi kelebihan kepada pelajar untuk mempertingkatkan keupayaan kognitif, sosial dan linguistik individu. Oleh itu, strategi metakognitif dapat dilatih dalam pembelajaran kemahiran membaca dengan mengimplementasinya untuk meningkatkan pemahaman kosa kata bahasa Arab.

Penggunaan Strategi Metakognitif Dalam Pemahaman Kosa Kata Bahasa Arab

Pencapaian akademik dalam mata pelajaran bahasa Arab berkait rapat dengan pemahaman teks bacaan. Hal ini dapat direalisasikan dengan pernyataan Ruzanita et al. (2021) yang membahaskan bahawa penerapan strategi metakognitif dalam kalangan peserta kajiannya didapati mampu melahirkan pelajar yang menyedari keperluan memahami kosa kata dan ejaan yang terdapat dalam teks bacaan. Teks bacaan juga dapat dijadikan wadah pemerolehan kosa kata dengan mengaktifkan pengawalan strategi yang digunakan pelajar ketika membaca teks.

TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Artikel ini bertujuan untuk membahaskan tentang konsep hubungan pengimplementasian strategi metakognitif terhadap proses pemahaman kosa kata bahasa Arab. Fokus utama yang menjadi objektif kajian adalah sejauhmana pemahaman kosa kata dapat dipertingkatkan dalam kalangan pelajar khususnya pelajar bahasa Arab dengan penerapan strategi metakognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Justeru, analisis kajian akan memperkenalkan suatu konsep baharu, iaitu Taksonomi Strategi Metakognitif Kosa Kata. Secara khususnya, objektif kajian diperincikan seperti berikut:

1. Mengenal pasti penggunaan strategi metakognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab.

2. Memperkenalkan konsep baharu iaitu Taksonomi Strategi Metakognitif Kosa Kata dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab.

PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah penggunaan strategi metakognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab?
2. Bagaimanakah penguasaan pemahaman kosa kata bahasa Arab dapat dipertingkatkan dengan penggunaan Taksonomi Strategi Metakognitif Kosa Kata?

METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan dengan mengimplementasi reka bentuk kajian kepustakaan dan maklumat dikumpul dari kajian-kajian lepas berkenaan penggunaan strategi metakognitif dalam pembelajaran bahasa dan penguasaan pemahaman kosa kata bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Antara kajian lepas yang dapat dikenal pasti bagi tujuan penetapan tema dapatan kajian adalah Azwani et al. (2023), Nur Naimah Akmar & Harun (2017), Zainur Rijal & Rosni Samah (2018), Mohd Yusri et al. (2016), Chai et al. (2023), Haafiz et al. (2018), Rohman (2014), Listiana et al. (2019), Linamalini & Kamarul Shukri (2014), dan Kristiyani (2023). Hasil dari analisis kajian-kajian yang dinyatakan tersebut digunakan untuk mendapatkan dapatan kajian berkenaan penggunaan strategi metakognitif dalam pembelajaran kosa kata.

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian kepustakaan mendapati bahawa penggunaan strategi metakognitif dapat meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar bahasa Arab.

A. Elemen Kesepaduan Pembelajaran dalam Memupuk Pemahaman Pelajar terhadap Kosa Kata

1. Kelestarian Taksonomi Pembelajaran dalam Pembelajaran Kosa Kata Arab

Aras pemahaman pelajar dalam menguasai pengetahuan yang dipelajari perlu dipertingkatkan dengan melestarikan pengimplementasian taksonomi pembelajaran dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Oleh yang demikian, walaupun kurang perbincangan berkenaan penggunaan taksonomi dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab, terdapat sarjana kajian pendidikan Islam iaitu Azwani et al. (2023) membahaskan bahawa timbul keperluan untuk mewujudkan taksonomi ilmu khusus. Justeru, taksonomi merupakan elemen yang dapat disepadukan dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab.

2. Pengaruh Saiz Kosa Kata dalam Penggunaan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Arab

Penguasaan saiz kosa kata yang tinggi dapat menentukan kelancaran dan keberkesanan pembelajaran. Saiz kosa kata yang dimaksudkan adalah jumlah perkataan yang diketahui seseorang (Nur Naimah Akmar & Harun, 2017; Zainur Rijal & Rosnah, 2018). Sehubungan itu, individu yang mempunyai jumlah kosa kata yang tinggi dalam capaian minda mereka akan membantu mempertingkatkan kemampuan mereka dalam penguasaan bahasa.

3. Pengimplementasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi untuk Meningkatkan Pengetahuan Kosa Kata Arab

Peningkatan penguasaan pengetahuan kosa kata dapat dirai dengan mengimplementasi kemahiran berfikir aras tinggi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab (Mohd Yusri et al., 2016). Sehubungan itu, kemahiran berfikir aras tinggi akan dapat melahirkan pelajar yang berstrategik dalam menyelesaikan tugas kosa kata Arab apatah lagi mampu memahami penggunaan korpus kosa kata dalam pembelajaran bahasa Arab. Hal ini disokong oleh pernyataan Chai et al. (2023) iaitu pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi yang berkesan dapat memberi impak terhadap pencapaian pembangunan modal insan.

4. Pengaplikasian Strategi Pembelajaran Kosa Kata Arab Mengoptimalkan Regulasi Kendiri

Kerelevanan strategi pembelajaran kosa kata dapat membina kemampuan regulasi sendiri dalam menggunakan strategi yang bersesuaian ketika pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kepentingan regulasi sendiri dapat dilihat mempunyai korelasi dengan bagaimana pelajar bertindak balas dengan persekitaran pembelajaran yang memerlukan mereka menggunakan strategi pembelajaran seperti yang dinyatakan oleh Mohammad Haafiz et al. (2018) bahawa keupayaan pelajar untuk menyusun, menyelia, mengawal, melaksana dan menilai sendiri merupakan strategi yang dapat mengoptimalkan pelaksanaan pembelajaran regulasi sendiri.

B. Penggunaan Strategi Metakognitif dalam Pemahaman Kosa Kata Bahasa Arab

Proses pembelajaran yang menggunakan ranah strategi metakognitif dapat membantu proses pemahaman kosa kata. Hal ini dapat dilestarikan dengan memberi latihan strategi metakognitif yang merangkumi komponen yang membentuk kesedaran proses metakognitif dalam kalangan pelajar khususnya pembelajaran bahasa Arab. Komponen-komponen tersebut seperti yang dibahaskan oleh Anderson (2001) dinyatakan secara terperinci seperti pernyataan berikut:

1. Perancangan Strategi

Komponen ini dimulakan dengan merancang pembelajaran mengikut kesesuaian objektif aktiviti pembelajaran. Objektif dirancang dengan teliti pada peringkat ini agar penentuan dalam merancang strategi berkualiti, berdaya saing dan berkesesuaian dengan keperluan penggunaan strategi dapat digunakan dalam penilaian pencapaian pembelajaran bahasa Arab (Rohman, 2014). Perancangan tersebut merupakan set matlamat terhadap perancangan strategi dengan mengambil kira penggunaan pengetahuan sendiri (*person knowledge*) untuk memudahkan proses pemilihan strategi.

2. Pemilihan dan Penggunaan Strategi

Komponen pemilihan dan penggunaan strategi turut diperlukan dalam langkah proses pembelajaran metakognitif. Variasi penggunaan strategi menjadikan pelajar perlu memilih strategi yang bersesuaian dengan aktiviti pembelajaran. Hal ini penting kerana proses pemilihan melibatkan proses kognitif yang bersilang dengan keupayaan metakognitif untuk memilih dan menggunakan strategi tertentu seperti penerapan klu konteks agar sesuai dengan pemantauan tujuan yang spesifik dalam aktiviti pembelajaran.

3. Pemantauan Penggunaan Strategi

Pemantauan penggunaan strategi merupakan komponen yang penting dalam penggunaan strategi metakognitif kerana apabila strategi dipilih untuk digunakan dalam aktiviti pembelajaran, pelbagai persoalan yang timbul ketika proses kognitif dilibatkan dalam hal tersebut. Antaranya adalah membangun pengetahuan sendiri, menentukan strategi yang akan digunakan untuk menyelesaikan masalah dan mengawal hasil pembelajaran seperti yang diujarkan oleh Listiana et al. (2019). Justeru, pelajar dapat mengatur strategi dengan mempelbagaikan penggunaannya dalam satu aktiviti pembelajaran.


4. Pengaturan Kepelbagaian Strategi

Pada takat komponen ini, strategi metakognitif dapat diatur untuk menepati koordinasi penyusunan penggunaan strategi metakognitif yang bersesuaian serta dapat digabungkan antara strategi metakognitif dan strategi metakognitif yang lain dalam pembelajaran bahasa. Oleh yang demikian, pelajar akan dapat mengenalpasti sama ada mereka merupakan pelajar yang mempunyai tahap penguasaan pembelajaran yang tinggi atau rendah dengan meneliti penggunaan strategi pembelajaran bahasa seperti pernyataan Linamalini & Kamarul Shukri (2014) yang menyatakan bahawa pelajar yang cemerlang menggunakan pelbagai strategi pembelajaran bahasa. Disamping itu, pelajar juga akan menjadi cekap mengurus setiap strategi metakognitif yang digunakan dalam pembelajaran.

5. Penilaian Penggunaan Strategi

Komponen ini merupakan fasa refleksi bagi pelajar bagi menilai sejauhmana strategi metakognitif yang dipilih untuk sesuatu tugas pembelajaran dapat menjawab objektif pembelajaran. Penilaian terhadap penggunaan strategi merupakan aspek yang perlu diberi perhatian khusus oleh pelajar, kerana ia akan memacu perubahan demi perubahan dalam proses pembelajaran dan kemudiannya menurut Kristiyani (2023), ia membantu guru menilai pembelajaran pelajar dengan efektif. Proses penilaian juga menghasilkan pelajar yang dapat memperoleh pengetahuan melalui strategi metakognitif, pelajar yang menjadi pemantau terhadap pembelajaran mereka dan pelajar yang mampu membuat pertimbangan penggunaan strategi yang bersesuaian dengan hasil pembelajaran.

C. Taksonomi Strategi Metakognitif Kosa Kata



Rajah 1. Taksonomi Strategi Metakognitif Kosa Kata.

(Adaptasi & Ubahsuai daripada Anderson & Krathwohl, 2001)

Taksonomi Strategi Metakognitif Kosa Kata dapat diaplikasikan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab kerana menurut Koksai et al. (2023), pemikiran yang berpandukan taksonomi akan memberi nilai tambah terhadap kemenjadian pelajar. Selain itu, Taksonomi Strategi Metakognitif Kosa Kata memfokuskan pembinaan mental melalui proses kognitif dan peningkatan pemahaman melalui proses metakognitif. Berdasarkan rajah 1, fasa pemerolehan kosa kata dapat dipertingkatkan dengan menggunakan strategi penyatuan kosa kata dibawah ranah proses kognitif.

Penerapan strategi penyatuan kosa kata melibatkan penalaran kesan interaktif dalam makna kosa kata yang ada dalam kognitif pelajar. Hal ini dapat dibahaskan sebagai penyatuan makna dengan makna bagi kosa kata yang diperolehi oleh pelajar dalam situasi pembelajaran yang aktif dengan penggunaan bahasa. Justeru, perkara ini dapat dikaitkan dengan perbahasan konteks sosial oleh Bhushan (2011) yang menyatakan bahawa konteks sosial adalah penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Kepentingan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dapat diteliti pada peringkat fasa pemantauan yang mana ia merupakan fasa pemilihan strategi untuk menjadikan kosa kata yang dipelajari dapat diingat oleh pelajar dan bersesuaian dengan konteks situasi pembelajaran. Situasi ini turut dibahaskan oleh Uyun & Kalsum (2023) yang membahaskan bahawa fokus terhadap bentuk bahasa dan tahu tentang sistem bahasa akan membantu proses pemantauan pembelajaran kosa kata. Sehubungan itu, penekanan terhadap pemantauan strategi yang digunakan dalam pembelajaran menjadi perlu untuk dititik beratkan agar pelajar mampu membuat pertimbangan terhadap strategi metakognitif yang mereka akan gunakan dalam tugas bahasa.

Pertimbangan dalam menggunakan strategi metakognitif untuk memahami kosa kata merupakan fasa yang dapat dilaksanakan dengan mengambil kira penggunaan strategi penerokaan kosa kata iaitu salah satu strategi metakognitif untuk membantu pelajar memahami tentang persoalan yang timbul dalam pemikiran ketika hendak memilih kosa kata dari seleksi kosa kata yang ada dalam minda mereka. Menurut Anderson & Krathwohl (2001) penerokaan dalam pembelajaran bukan sahaja membawa pelajar memahami sesuatu perkara yang dipelajari, akan tetapi penerokaan juga menjadi sebab pelajar membuat idea mereka mempunyai variasi dalam pemilihan strategi pembelajaran. Sehubungan itu, strategi penerokaan kosa kata merupakan strategi yang membantu pelajar dalam ranah proses metakognitif bagi mewujudkan pelajar yang dapat mengenal pasti potensi diri.

Potensi diri dalam pembelajaran, akan dapat dikenal pasti dengan adanya penggunaan strategi. Hal ini disokong dengan pernyataan Zulkifli (2013) yang menyatakan bahawa potensi diri pelajar yang menyeluruh dan seimbang dapat dipupuk dengan pelaksanaan pelbagai strategi. Oleh yang demikian, perkembangan penggunaan strategi dapat membantu pelajar menjadi pelajar yang holistik.

PERBINCANGAN

Perancangan Pengajaran yang Membantu Guru Mengaplikasikan Pengalaman Taksonomi Strategi Metakognitif Kosa Kata

Penerapan Taksonomi Strategi Metakognitif Kosa Kata dalam perancangan pengajaran dapat membantu guru menerapkan teori pembelajaran berpusatkan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Menurut Marini et al. (2018), pembelajaran berpusatkan pelajar merupakan suatu strategi yang mana pelajar memainkan peranan penting dan melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Justeru, penerapan taksonomi ini akan membantu guru melahirkan pelajar sebagai artikulator kosa kata yang aktif.

Peningkatan Kefahaman Bacaan Menerusi Aras Taksonomi Strategi Metakognitif Kosa Kata

Kefahaman bacaan memerlukan individu menguasai pengetahuan kosa kata yang baik. Sehubungan itu, penerapan Taksonomi Strategi Metakognitif Kosa Kata akan membuka peluang kepada pelajar mengenali potensi diri dalam pembelajaran bahasa

Arab khususnya. Hal ini juga taksonomi ini dapat diaplikasikan oleh guru untuk membantu mendapatkan maklumat tahap kefahaman bacaan seperti yang dibahaskan oleh Nik Mohd Rahimi et al. (2016) bahawa guru dapat mengambil tindakan bagi penambahbaikan tahap kefahaman bacaan bahasa Arab.

Penyediaan Soalan yang sesuai dengan aras pengetahuan berdasarkan Taksonomi Strategi Metakognitif Kosa Kata

Soalan yang dijana berdasarkan aras pengetahuan yang terdapat dalam Taksonomi Strategi Metakognitif Kosa Kata dapat menambah baik mutu soalan bagi pentaksiran formatif dan sumatif pembelajaran bahasa Arab. Mutu soalan mempunyai perkaitan dengan tahap pengetahuan pelajar seperti yang dibahaskan oleh Iis & Evi (2022). Oleh itu, guru dan pelajar dapat menjadikan taksonomi tersebut sebagai panduan penyediaan soalan bahasa Arab mengikut tahap pengetahuan pelajar.

Penilaian Holistik Mengikut Tahap Penguasaan Murid berpandukan Taksonomi Strategi Metakognitif Kosa Kata

Penilaian diperlukan bagi mengenal pasti tahap penguasaan murid dalam sesuatu bidang pembelajaran. Sehubungan itu, penilaian yang holistik dapat diwujudkan dalam norma pembelajaran yang bersesuaian dengan aras pengetahuan pelajar seperti yang dirancang oleh mereka. Perancangan strategi pula menurut Muchlas (2014) (dalam Fara, 2016) dinyatakan sebagai intipati penting dalam penilaian penggunaan strategi.

KESIMPULAN

Pembelajaran memerlukan panduan pengetahuan yang dapat mengubah kejelasan pemahaman individu. Sehubungan itu, pengimplementasian Taksonomi Strategi Metakognitif Kosa Kata dapat membantu proses kognitif dan metakognitif iaitu pemerolehan, pemantauan dan pertimbangan yang penting dalam perancangan strategi dalam proses pembelajaran kosa kata khususnya kosa kata bahasa Arab. Justeru, pembinaan taksonomi tersebut diharap dapat membantu pembelajar memahami tindakan mereka dalam situasi pembelajaran bahasa Arab.

RUJUKAN

- Anderson, L. D. & Krathwohl, D. (2001). *A Taxonomy for Learning, Teaching and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. Boston, MA: Addison Wesley-Longman, Inc.
- Azwani, M., Ab Halim, T., Ahmad Munawar, I., & Nur Hanani, H. (2023). Kesesuaian taksonomi Bloom dengan bidang hafazan al-Quran dalam dokumen standard kurikulum dan KSSM pendidikan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(2), 40-57.

- Bhushan, R. (2011). The Sociology of Language Teaching and Learning. *Theory and Practice in Language Studies*, 1(3), 309-311.
- Chai, W. T., Shahlan, S., & Saemah, R. (2023). Tahap Efikasi Kendiri Penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kalangan Murid. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(4), 318-333.
- Fara, D. F. (2016). Taksonomi Bloom- Revisi: Ranah Kognitif serta Penerapannya dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Prosiding Konferensi Nasional Bahasa Arab 11*, 436-444.
- Listiana, L., Daesusi, R., & Soemantri, S. (2019). Peranan Metakognitif dalam Pembelajaran dan Pengajaran Biologi di Kelas. In *Symposium on Biology Education (Symbion)*, Vol. 2.
- Iis, M. & Evi, N. S. (2022). Analisa Butir Soal Ujian Madrasah Bahasa Arab Menurut Taksonomi Bloom. *Muhadasah Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 4(1), 40-52.
- Kristiyani, A. (2023). Penilaian Aktif Produktif Kompetensi Menulis dalam Pembelajaran Bahasa: Suatu Kajian Deskriptif. In *Prosiding Seminar Nasional PIBSI ke-44 Yogyakarta*, Vol. 44, No. 1.
- Kharisma, N. L. M. & Suyadi. (2020). Akal Bertingkat Ibnu Sina dan Taksonomi Bloom dalam Pendidikan Islam Perspektif Neurosains. *al-Idarah: Jurnal Kependidikan Islam*, 10(1), 1-10.
- Koksal, D. Ulum, O. G. & Yuruk, N. (2023). Revised Bloom's taxonomy in reading texts in EFL/ESL settings. *Acta Educationis Generalis*, 13(1), 133-146.
- Linamalini, M. N. & Kamarul Shukri, M. T. (2014). Kepelbagaian Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab (SPBA) dalam Kalangan Pelajar IPT Kelantan. *The Online Journal of Islamic Education*, Special Issue, 1-8.
- Marini, A. B., Mohd Isrul, E., Muriati, M., Rodziah, L., Norleyza, J., Noorazeen, M. A., Syahanim, M. S. & Abdullah, M. Z. (2018). Kerangka bagi persekitaran pembelajaran berpusatkan pelajar untuk latihan pengaturcaraan sendiri. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 10(1), 24-38.
- Mohammad Haafiz, A., Mohd Khairuddin, A., Khalid, J., Arbiah, M., & Hairi, A. (2018). Pembelajaran Regulasi Kendiri di Kalangan Pelajar dalam Mata Pelajaran Bahasa Arab Sekolah Menengah: Satu Analisis Perbandingan Mengikut Jenis Sekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(2), 57-46.
- Mohd Yusri, K., Nik Mohd Rahimi, N. Y., Hamidah, Y.@A. & Kamarulzaman, A. G. (2016). Inculcation of Higher Order Thinking Skills (HOTS) in Arabic Language Teaching at Malaysian Primary Schools. *Creative Education*, 7, 307-314.
- Ng, S. H., Saemah, R., & Shahlan, S. (2022). Kesan Strategi Metakognitif ke atas Kemahiran Bacaan Pemahaman Murid SJKC Tahap 2. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(3), 1-17.
- Nik Mohd Rahimi, N. Y., Sarizan, S., & Siti, N. (2016). Tahap Kefahaman Bahasa Arab Mengikut Taksonomi Bacaan dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 33-37.

- Nur Naimah, A. K. & Harun, B. (2017). Strategi Pembelajaran Kosa Kata dan Penguasaan Pengetahuan Kosa Kata Arab dalam Kalangan Pelajar STAM. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 64-73.
- Rizal, M. (2022). Analisis Capaian Pembelajaran Bahasa Arab Dengan Taksonomi Bloom Edisi Revisi. *Jurnal PTK dan Pendidikan*, 8(2), 85-96.
- Rohman, F. (2014). Strategi Pengelolaan Komponen Pembelajaran Bahasa Arab. *Arabiyat: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban*, 1(1), 63-78.
- Ruzanita, S., Azhar, M. S. & Shamsudin, O. (2021). Strategi Metakognitif dalam Kemahiran Membaca Pelajar Tingkatan Enam Sekolah Menengah. *International Journal of Education and Training*, 7(Khas), 1-10.
- Siti Fatimah, D. A. N. (2017). *Kesedaran Metakognitif dan Strategi Metakognitif Membaca Teks dalam Kalangan Pelajar Bahasa Arab*, UKM. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Umar, F. & Mokhammad, M. H. (2020). Bahasa Arab Berbasis Peningkatan Pembelajaran HOTS (Higher Order Thinking Skills) (Kajian Pembelajaran bahasa Arab di Madrasah Aliyah Unggulan Darul 'Ulum Step 2 Kemenag RI), *Jurnal al-Hikmah*, 8, 1-20.
- Uyun, A. S. & Kulsum, E. M. (2023). The Role of Second Language Acquisition (SLA) Theories in TESOL Methodology. *Gunung Djati Conference Series*, 20, 50-58.
- Yusoff, Y. & Azman, C. M. (2023). Penggunaan Strategi Kognitif dalam Pembelajaran Nahu Arab dalam Kalangan Pelajar IPG Kampus Ipoh Teras Pendidikan Islam. *Jurnal Afaq Lughawiyah*, 1(1), 139-161.
- Zainur Rijal, A. R. & Rosni, S. (2018). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar di Peringkat Pengajian Tinggi: Permasalahan dan Strategi Pengajaran. *International Journal of Language Education and Applied Linguistic*, 8(2), 61-70.
- Zulkifli, O. (2013). Pemupukan Potensi Diri Pelajar yang Menyeluruh melalui Pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 8, 133-152.